



**PERMOHONAN PEMBELIAN
RUMAH BINA NEGARA
FELCRA BERHAD
SKIM PENYUSUNAN SEMULA KAMPUNG**

1. Permohonan adalah dipelawa kepada semua generasi kedua warga komuniti desa untuk memohon pembelian Rumah Bina Negara (BN) FELCRA Berhad Skim Penyusunan Semula Kampung.
2. Borang permohonan ditutup pada **1 Februari 2017**. Borang-borang permohonan boleh diperolehi secara **percuma**.
3. Borang permohonan boleh perolehi menerusi laman sesawang: **www.felcra.com.my** / **www.rurallink.gov.my** atau di lokasi Pejabat sepertimana di bawah;
 - i) Pengurus Kawasan FELCRA berdekatan.
 - ii) Pengurus Besar FELCRA Berhad Wilayah Utara, Perak, Tengah, Johor, Pahang, Timur dan Sabah.
 - iii) Cawangan Perumahan, Wisma FELCRA, Lot PT 4780, Jalan Rejang, Setapak Jaya, 53300 Kuala Lumpur.
4. Kriteria dan kelayakan pemohon Rumah BN adalah sepertimana di bawah;
 - i) Warganegara Malaysia, berusia 18-45 dan telah berkahwin.
 - ii) Keutamaan kepada generasi kedua peserta FELCRA.
 - iii) Pendapatan bulanan tidak melebihi **RM4,000.00** (Ringgit Malaysia: Empat Ribu Sahaja).
 - iv) Pemohon belum pernah memiliki rumah atau merupakan **rumah pertama** pemohon.

5. Sila sertakan bersama borang permohonan **salinan** dokumentasi yang disahkan sepertimana di bawah;
- i) Kad Pengenalan pemohon, isteri/pasangan dan anak/tanggungan.
 - ii) Slip gaji terkini (3 bulan) – jika ada.
 - iii) Penyata Bank terkini (3 bulan).
 - iv) Surat Pengesahan Pendapatan oleh Ketua Peserta/Ketua Kampung/Pengurus Kawasan.
 - v) Surat Sokongan YB Ahli Parlimen atau YB ADUN.
 - vi) Lain-lain dokumen yang berkaitan.